

Harapan kutip dua emas

Berita Minggu - 2 DEC 1990

Pesilat Republik bersiap gigit hadapi Terbuka Malaysia

Oleh MOHD SANI ALI

DUA pingat emas menjadi matlamat Singapura dalam Kejohanan Silat Terbuka Malaysia, yang dijadualkan berlangsung di Stadium Negara, Kuala Lumpur mulai esok.

Bagi memenuhi matlamat tersebut, Persekutuan Silat Singapura (Persisi) telah menghantar lima peserta lelaki dan tiga wanita bagi acara silat olahraga, sementara empat pesilat bagi acara kesenian.

Menurut jurulatih nasional, Hosni Ahmad, matlamat tersebut adalah berdasarkan kepada persiapan yang telah dijalankan oleh anak buahnya bagi menghadapi kejohanan ini.

"Kami telah mengadakan latihan gigit sejak pulang dari Kejohanan Dunia di Vienna pada September lalu," jelas Hosni, yang memegang semula jawatan lamanya ini.

Latihan dijalankan tiga



HOSNI: Kembali melatih pesilat-pesilat nasional

kali seminggu di Rumah Persisi di Kampong Eunus, di samping latihan fizikal seminggu sekali di lapangan Ubi Avenue.

"Saya cukup berpuas hati dengan kelakonan pesilat semasa latihan," jelas jurulatih veteran itu.

Bagaimanapun, Hosni, mengakui tugas berat yang di-

pikul oleh anak buahnya bagi mencapai matlamat tersebut.

"Kami tidak pasti siapa pesilat-pesilat yang akan mengambil bahagian di Kuala Lumpur tetapi percaya ramai pesilat handalan dari seluruh dunia akan turut bertanding," jelas jurulatih itu.

Penampilan pesilat-pesilat Singapura ini juga merupakan sebahagian daripada persiapan ke Sukan SEA di Manila pada hujung tahun depan.

Cabaran Singapura diketuai oleh Sheikh Alaudin Yaacob, pemenang pingat emas di Vienna yang akan bertanding dalam kelas I dan Abdul Talib Embi, pemenang gangsa kelas A Sukan SEA 1987.

Pemenang pingat perak Sukan SEA 1989, Nazri Ibrahim, akan tampil dalam kelas G, Mohd Hidayat Hosni (kelas C) dan Mohd Razif Mohd Yusoff (kelas E).

Badariah Hosni, peme-

2
nang pingat gangsa dalam kejohanan di Belanda pula akan mengetuai cabaran peserta wanita. Beliau bertanding dalam kelas B.

Dua peserta yang lain ialah Rafeah Rashid, pemenang pingat gangsa Pesta Sukan Kemerdekaan Brunei dan pendatang baru, Roswati Mohd Ali.

Tiga peserta yang muncul dalam silat kesenian ialah dari Zahri Hasar (Sunda), Mohd Yazid Yahya (Esha), Zolkarnain Abdul Hamid dan Abdul Mutalib Kochen Ali (Sendeng Pukulan).

Seramai 121 pesilat dari sepuluh buah negara, termasuk Australia, Austria, Belanda, Belgium, Brunei, Jerman, Indonesia, Singapura, Thailand dan tuan rumah, Malaysia, akan mengambil bahagian.

Pertandingan akan dibahagikan kepada tiga kategori — seni tari silat, seni tanpa senjata dan gunakan senjata.